

Jaminan Samy kepada pemborong Bantuan dan bimbingan terus diberi

KONTRAKTOR-kontraktor Bumiputera kelas rendah yang jujur dan cekap akan terus dibantu dan dibimbing hingga menjadi kontraktor kelas tinggi.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan Awam, Datuk S. Samy Vellu menjelaskan, walaupun kadar penyertaan Bumiputera dalam sektor pembinaan kini melebihi 30

JOHOR BAHRU, Isnin

peratus, kebanyakan mereka dalam kelas rendah.

"Kerana masih sedikit kontraktor Bumiputera didaftarkan dalam Kelas A dan B, kementerian saya akan melpaigandakannya agar ia menepati matlamat Dasar Ekonomi Baru," katanya ketika

merasmikan Seminar Kontraktor Binaan Bumiputera di sini hari ini.

Katanya, 7,550 kontraktor binaan Bumiputera telah didaftarkan, tapi sebahagian besar dari mereka adalah dari kelas rendah seperti D, E dan F.

Menurut beliau, di samping kerajaan berusaha meninggikan pencapaian kontraktor-kontraktor Bumiputera, mereka juga harus

membuktikan kecemerlangan kerja dan menepati jadual.

Datuk Samy Vellu menambah, hampir 60 peratus projek binaan sekolah dan klinik seluruh negara dikhaskan untuk kontraktor Bumiputera kerana ia mudah dibina.

Dalam hubungan itu, beliau menjelaskan, kerajaan pada beberapa ketika bertindak memberhentikan kerja-kerja kontrak seseorang kontraktor yang didapati menjalankan kerja tidak memuaskan.

Di samping itu, tegasnya, projek yang ditarik balik itu diserahkan kepada kontraktor lain.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia